



MAJLIS PERUNDINGAN GAJI NEGARA

(National Wages Consultative Council)

Kementerian Sumber Manusia

Bahagian Dasar Sumber Manusia

Aras 7, Blok D3, Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62530 Putrajaya, Malaysia

TELEFON : 03-8886 5000

FAKS : 03 8889 2377

E-MAIL : ksm1@mohr.gov.my

HOME PAGE : www.mohr.gov.my

Ruj.: KSM/MPGN 600 – 6/7 JLD 3 (6)

Tarikh : 20 Mac 2013

Encik Michael Kang
National Deputy President and
Government Affairs Bureau Chairman
Persatuan Kecil dan Sederhana Malaysia
5-5, Jalan USJ 9/5Q
Subang Business Centre
47620 Subang Jaya
Selangor

Tuan/Puan,

PERMOHONAN PENUNDAAN PERINTAH GAJI MINIMUM 2012

Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk surat tuan bertarikh 22 Februari 2013 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan pada 13 Mac 2013 telah bersetuju supaya:

- a) pekerja-pekerja tempatan (warganegara) hendaklah dibayar gaji minimum seperti mana dalam Perintah;
- b) majikan-majikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) diberikan penangguhan secara *blanket* pelaksanaan gaji minimum kepada pekerja asing mereka sehingga 31 Disember 2013;
- c) mana-mana majikan yang telah mendapat penangguhan tidak dibenarkan membuat potongan levi, kos penginapan atau elaun-elaun lain bagi pekerja asing;
- d) majikan yang telah melaksanakan gaji minimum dibenarkan secara *blanket* untuk membuat potongan levi dan kos penginapan. Potongan levi adalah mengikut bayaran sebenarnya secara prorata sebulan dan potongan kos penginapan adalah tidak melebihi RM50 sebulan bagi seorang pekerja asing. Pemotongan levi dan kos penginapan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada pihak JTK yang berdekatan secara emel atau surat.

- e) Walau bagaimanapun, bagi keadaan-keadaan tertentu, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) boleh mempertimbangkan permohonan secara individu pemotongan untuk kos penginapan yang melebihi RM50 sebulan bagi seorang pekerja asing.

3. Majikan-majikan selain PKS yang menghadapi masalah untuk melaksanakan gaji minimum boleh memohon penangguhan secara individu kepada Urus Setia MPPGN dan tarikh tutup permohonan penangguhan adalah pada 30 Jun 2013. Bagi tujuan permohonan ini, majikan dikehendaki memberi justifikasi dan juga mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti:

- i. Sijil Pendaftaran Syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- ii. Laporan Kewangan yang telah diaudit bagi 3 tahun terakhir; dan
- iii. Maklumat bilangan pekerja tempatan dan pekerja asing secara berasingan beserta gaji bagi bulan terakhir.

4. Penangguhan akan berkuatkuasa pada tarikh pindaan kepada Perintah yang akan diwartakan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pekerja Berinovatif Penggerak Transformasi”

Saya yang menurut perintah,



(T. SHANMUGAM)
Setiausaha
Majlis Perundingan Gaji Negara